

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4()

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 2 TAHUN 2018**

Tarikh : **28 Februari 2018 (Rabu)**

Masa : **10.00 pagi hingga 12.15 tengahari**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 2/2018 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

2.1 Mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis yang telah hadir pada mesyuarat pada hari ini kerana kehadiran ahli-ahli Majlis adalah penting bagi mencukupkan korum supaya mesyuarat boleh dilaksanakan.

2.2 MAJLIS APRESIASI WARGA KERJA MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2017

Majlis Apresiasi Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya diadakan pada setiap tahun bagi menghargai dan meraikan warga kerja MPSJ yang menunjukkan prestasi cemerlang dan membanggakan organisasi seterusnya menghargai warga kerja yang telah berkhidmat dan bersara pada tahun 2017. Program ini akan dilaksanakan berkonsepkan makan malam dan dijangka seramai 800 orang kakitangan akan hadir bersama tetamu kehormat pada majlis ini adalah Dato' Sri Azmin Bin Ali, Dato Menteri Besar Negeri Selangor dan majlis ini akan diadakan seperti butiran berikut:

Tarikh : 15 Mac 2018 (Khamis)
Masa : 7.30 malam – 10.30 malam
Tempat : Grand Ballroom Shah Alam Convention Center (SACC), Jalan Perbadanan 14/9, Seksyen 14, 40000 Shah Alam Selangor.

- 2.3 Puan yang Dipertua mengucapkan terima kasih kepada pasukan Ahli Majlis dan pegawai-pegawai yang telah bersama-sama membawa MPSJ ke peringkat yang boleh dibanggakan iaitu menempa nama dan tugas untuk mengekalkan kegemilangan yang telah dicapai bukanlah sesuatu yang mudah.
- 2.4 Beliau memaklumkan masih terdapat ruang-ruang penambahbaikan untuk kita perbaiki dari segi kedudukan kewangan, kaedah perbelanjaan, prosedur dan tatacara kerja.
- 2.5 MPSJ perlu meletakkan penandaarasan terhadap satu bandaraya yang bertaraf antarabangsa yang kita idamkan. Beberapa siri bengkel dan taklimat yang telah diadakan bersama Ketua Jabatan menampakkan reaksi positif serta menerima kerjasama yang baik.

- 2.6 Beliau percaya MPSJ mampu mencapai taraf bandaraya yang lebih baik dari sekarang dan mencapai visi dan misi yang ditetapkan serta sebuah bandaraya yang peduli rakyat.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 1/2018

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 1 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 24 Januari 2018 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 2/2018 bertarikh 5 Februari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 2/2018 bertarikh 6 Februari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.1 & m/surat 5	Encik Chang Kim Loong	Laporan Happiness Index	Beliau ingin mengetahui kenapa hanya Jabatan Kesihatan yang menyediakan laporan Happiness Index, sepatutnya ianya perlu disediakan secara menyeluruh melibatkan semua Jabatan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua memaklumkan Jabatan Kesihatan telah dilantik sebagai <i>coordinator</i> dan Pengarah Kesihatan merupakan <i>project director</i> bagi memilih indikator serta petunjuk yang sesuai bagi Happiness Index di MPSJ.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 5.1 & m/surat 6		<p>5.1.1 - Laporan Muktamad : Pemeriksaan audit khas ke atas Projek Taman Rekreasi Hutan Bandar USJ 3</p> <p>5.1.2 - Laporan Muktamad : Pemeriksaan audit khas ke atas Projek Cadangan Menyiapkan Dewan Komuniti Awam USJ 7</p>	<p>i) Beliau ingin mengetahui kenapa terdapat isu penyelewengan berkaitan kedua-dua perkara ini. ii) Beliau memohon untuk meneliti laporan berkaitan projek Taman Rekreasi Hutan Bandar USJ 3 dan Dewan Komuniti Awam USJ 7. iii) Semua perlu dirujuk kepada Unit Integriti.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua memaklumkan tiada isu penyelewengan terhadap kedua-dua projek tersebut dan Pihak Pengurusan belum menetapkan lagi 'prima facie' terhadap kes. Siasatan yang</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dilaksanakan adalah ke atas isu projek lambat disiapkan. Berdasarkan siasatan kelewatan adalah disebabkan oleh perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="1068 562 1520 940">i) Taman Rekreasi Hutan Bandar USJ 3 – Masalah kelewatan Kontraktor dan pemotongan bayaran di atas kelewatan telah diputuskan dan akan dikira sepenuhnya.<li data-bbox="1068 947 1520 1879">ii) Dewan Komuniti Awam USJ 7 –<ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="1094 1035 1520 1234">▪ Penjelasan telah diberikan dalam Mesyuarat Lembaga Tender dan ianya telah diterima.<li data-bbox="1094 1241 1520 1665">▪ Kelewatan tempoh siap ini disebabkan oleh perubahan status bangunan tersebut kepada Bangunan Hijau. Perubahan ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat jawatankuasa Kewangan.<li data-bbox="1094 1671 1520 1879">▪ Terdapat perubahan yang melibatkan rekabentuk bangunan dan terdapat pindaan kepada <i>variation</i>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><i>order</i> terhadap projek ini.</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Pindaan ini telah dijelaskan perinciannya dan ianya tidak melebihi 10% dari kos projek.▪ Merujuk kepada Pegawai Pengawal yang lepas iaitu Y.Bhg Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, variation order telah dipersetujui dan Y.Brs Puan Noraini binti Roslan menerima keputusan tersebut.▪ Lanjutan tempoh yang diberikan adalah mengikut kepada masa yang diperlukan oleh pihak TNB untuk menyelaraskan penerimaan standard pendawaian dan juga penyambungan kuasa kepada bangunan tersebut.▪ Pihak TNB telah membuat permohonan dan MPSJ telah bersetuju dengan tempoh tersebut. Denda akan dikenakan kepada

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>kontraktor sekiranya projek tersebut melebihi tempoh yang telah ditetapkan.</p> <p>iii) Siasatan telah dihentikan berdasarkan kepada keputusan siasatan yang mendapati tiada isu penyelewengan berlaku.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
3.	Para 6.2 & m/surat 10		Status Terkini Pengenaan Caj GST di MPSJ	<p>Beliau ingin mengetahui status berkaitan pemulangan balik Caj GST</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua memaklumkan sehingga kini MPSJ masih belum menerima pemulangan balik Caj GST tersebut atas sebab-sebab tertentu. Laporan rasmi akan dikemukakan dalam masa terdekat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Hasil</p>

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 2/2018 bertarikh 9 Februari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.5 & m/surat 10	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Sebut Harga B bagi membekalkan palong beserta tanah dan pokok bagi menyelesaikan masalah sampah haram di kawasan awam / majlis bagi tahun 2018 untuk Majlis Perbandaran Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil : 10/02/2018)	<p>i) Beliau ingin mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan palong.</p> <p>ii) Apakah kaedah yang diambil oleh MPSJ bagi menangani masalah sampah haram yang berlaku di kawasan persendirian.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa palong merupakan <i>culvert</i> yang merupakan kaedah MPSJ bagi mengatasi masalah sampah haram dan ianya hanya sesuai di kaki lima jalan sahaja. ▪ Bagi menangani masalah sampah haram berkaitan sisa binaan, MPSJ telah menubuhkan satu task force yang diketuai oleh Setiausaha Perbandaran dan Pengarah Bangunan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>sebagai <i>project director</i>. Beberapa cadangan dan strategi telah dibuat dan cadangan penyelesaian adalah bermula daripada tapak binaan tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bagi masalah sampah haram yang lain, MPSJ telah memikirkan beberapa strategi termasuklah pemasangan cctv dan pemantauan penguatkuasaan serta pengeluaran kompaun. <p style="text-align: right;">Makluman</p>

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 3/2018 bertarikh 12 Februari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.3 & m/surat 128	Encik Chang Kim Loong	Permohonan Kerja Lebih Masa untuk Conlay Land Sdn Bhd (No.Fail : MPSJ.BGN.BP 1.600-1/10/5/187)	Beliau ingin mengetahui adakah MPSJ mengenakan <i>levy</i> / bayaran sewa kepada pemohon kerana menggunakan jalan MPSJ di sebelah kiri dan kanan bangunan sehingga menyebabkan pengguna tidak dapat menggunakan kedua-dua jalan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Sekiranya MPSJ tidak mengenakan levy, sila nyatakan sebab kenapa tidak dikenakan.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ mengenakan bayaran deposit berdasarkan saiz projek kepada pemaju dan deposit hanya akan dikembalikan setelah pemaju membaiki kerosakan yang berlaku ke atas jalan tersebut. Pemaju juga perlu memastikan keselamatan awam sepanjang tempoh penggunaan. Pemulangan cagaran adalah bergantung kepada kelakuan pemaju tersebut. Pemotongan deposit boleh dilaksanakan sekiranya pemaju melanggar syarat yang ditetapkan atau pembaikan jalan tidak mematuhi spesifikasi. <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 11.3 & m/surat		Penentuan arah kiblat	Berdasarkan minit mesyuarat, penentuan arah kiblat merupakan arahan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
	130			<p>daripada peringkat Negeri dan pemohon diberi kelonggaran bagi mendapatkan sokongan Jabatan Mufti sebelum CCC dikeluarkan. Beliau mencadangkan agar perkara ini disampaikan kepada perunding sebagai makluman dan bukan pre-requisite untuk kelulusan CCC.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini akan disampaikan kepada pengemuka pelan.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 4/2018 bertarikh 21 Februari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 2/2018 bertarikh 13 Februari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan Bil. 2/201 bertarikh 13 Februari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2 & m/surat 5	Encik Chang Kim Loong	Tempat Letak Kereta Bertingkat (Tingkat 5 & 6) Dijadikan Food Court di Menara Rajawali SS15, Subang Jaya.	Beliau memaklumkan perkara berikut : i) Isu pertama : Terdapat kesalahan minor dan perkara ini telah ditegur dalam Mesyuarat Penuh yang lepas iaitu nama Pangsapuri Rajawali adalah salah dan <i>official name</i> adalah Menara Rajawali. ii) Isu kedua : Beliau turut mengulangi berkaitan kesalahan tingkat 5 dan 6 tempat letak kereta yang dijadikan food court dan kesalahan tingkat 17 dan 18 dewan serbaguna swasta dijadikan asrama pelajar. Terdapat pengeluaran borang D yang dikeluarkan kepada Enco Land Properties Sdn Bhd. bertarikh 12 Januari

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>2018, dan pengeluaran borang D juga dikeluarkan kepada Link Venfuzze Sdn Bhd. Beliau memohon penjelasan berkaitan perkara ini.</p> <p>iii) Isu ketiga : Walaupun JMB telah memberikan kebenaran dan bersetuju namun JMB perlu mematuhi undang-undang dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis.</p> <p>‘JMB by law is subservient to MPSJ laws’.</p> <p>iv) Mencadangkan agar satu ‘<i>special focus group</i>’ di tubuhkan untuk membincang tindakan selanjutnya.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa beliau bersetuju bahawa sebarang tindakan oleh mana-mana pihak walaupun di tanahnya sendiri adalah tertakluk kepada Undang-

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Undang Majlis / Negeri / Negara.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemilik / JMB telah melakukan kesalahan dengan membuat pengubahsuaian bangunan tanpa kelulusan Majlis dan pengeluaran notis atas kesalahan tersebut telah dilaksanakan. <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Perancang Bandar/Bangunan</p>
		Encik Pooi Weng Keong		<p>Beliau mencadangkan agar dibuat satu perbincangan dengan pemilik bagi membincangkan dan menyelesaikan isu tersebut.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua bersetuju agar satu mesyuarat khas ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Perbandaran bagi mencari penyelesaian dan keputusan yang tepat. Pemilik perlu menghormati pihak Majlis dan beliau ada</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>ruang untuk membela diri dengan mengemukakan alasan serta membuat permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan dan Majlis akan membuat pertimbangan yang sewajarnya.</p> <p>Tindakan : Jabatan Bangunan</p>
2.	Para 2 & m/surat 4	Encik Yap Kok Weng	<p>Rayuan Menaikkan Kadar bayaran Tempat Letak Kereta (Sabtu, Ahad & Cuti Umum) dan Perkhidmatan Valet di IOI Mall Puchong. (Kertas Mesyuarat Bil : 09/01/2018)</p>	<p>Beliau memaklumkan bahawa Jawatankuasa mesyuarat telah menolak rayuan menaikkan kadar bayaran tempat letak kereta (Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) dan perkhidmatan valet di IOI Mall Puchong. Beliau memohon agar keputusan minit mesyuarat ini dipinda.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua meminta agar Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan membuat pindaan terhadap minit tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 2/2018 bertarih 14 Februari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.7 & m/surat 9	Dr. Mahendran a/ I V Markandoo	Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Bagi Membincangkan Projek Penswastaan di antara MPSJ dengan Asia kreatif Sdn.Bhd bil. 1/2018 (Kertas mesyuarat Bil : 23/02/2018)	<p>Beliau menanyakan tarikh mesyuarat bagi membincangkan isu berkaitan projek penswastaan bersama Asia Kreatif Sdn. Bhd.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa mesyuarat bagi membincangkan isu berkaitan projek penswastaan bersama Asia Kreatif Sdn. Bhd. telah diadakan. ▪ Keputusan mesyuarat adalah menolak permohonan pengurangan premium dan melanjutkan tempoh untuk

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pemberian unit yang sepatutnya diberi kepada Majlis.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Majlis meminta cadangan mereka disekalikan dengan cadangan pulangan kepada Majlis yang lebih baik dan bukannya berdasarkan kepada cadangan asal iaitu permohonan mendirikan unit-unit yang berharga bebas. ▪ Pihak Majlis akan memastikan pihak Asia Kreatif mempercepatkan urusan mengemukakan pelan alternatif / proposal baharu supaya keputusan / pertimbangan dapat dilaksanakan. <p>Tindakan : Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta</p>
2.	Para 6.2 & m/surat		Penyelenggaraan Keselamatan	Beliau ingin mengetahui berkenaan status air

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
	24			<p>condition di Bangunan MPSJ.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua mengambil maklum dan jawapan berkaitan akan diberikan kelak.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>
3.	Para 6.1 & m/surat 24	Encik Jaber bin Ami	Status pembelian rumah di Langkawi	<p>Beliau ingin mengetahui status pembelian rumah di Langkawi.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa beliau bertanggungjawab ke atas segala keputusan yang akan dibuat dan keputusan adalah dengan melihat kepentingan Majlis. Keputusan akan dibuat dalam tempoh 3 hari setelah meneliti perkara-perkara yang berkaitan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Penilaian Dan Pengurusan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
4.	Para 6.1 & m/surat 23	Encik Chang Kim Loong	Hal-hal lain	<p>Beliau menegur berkaitan minit mesyuarat di edarkan lambat dan juga kesalahan mencatat minit mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan meminta agar pindaan minit dibuat seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Perkara 6.1 : Encik Chang Kim Loong meminta status terkini mengenai isu perundangan yang melibatkan isu berikut ii) Perkara i : Projek Penswastaan Realiti Padu Sdn. Bhd. iii) Perkara iii : Sri Ternak Mart Sdn. Bhd. iv) Perkara iv : Impiana Impressive Sdn. Bhd. v) Perkara v : Dikeluarkan dari minit vi) Perkara vi : Projek Lebuhraya

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Usahasama Berhad vii) Perkara vii : Mahkamah tinggi telah jatuh hukum kepada Majlis dan perlu membayar RM 3,500.00 kepada Pihak <i>plaintif</i> untuk kes Yit Soon Engineering melalui Perintah Mahkamah bertarikh 21 April 2017.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua menegur Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan agar lebih teliti dalam penyediaan minit mesyuarat dan meminta pindaan minit dilaksanakan seperti yang dimohon.</p> <p>Tindakan : Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MPSJ</p>
5.	Para 5.10 &	Encik Yap Kok Weng	Permohonan Pembaharuan	Beliau berharap agar permohonan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
	m/surat 10		Penyewaan dan Pengurusan 6 Unit Gerai (No.1-6) dan 10 Unit Kiosk di Medan Selera Bandar Puchong Jaya, Jalan Serindit 1A, Bandar Puchong Jaya, Puchong, Selangor Darul Ehsan Oleh Syarikat Eastern Snack Food Sdn. Bhd (Kertas Mesyuarat Bil : 26/02/2018)	<p>pembaharuan penyewaan ini dipendekkan tempoh masa penyewaan kerana syarikat ini gagal memenuhi janji sedia ada iaitu tidak menyelenggara taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kenderaan di kawasan tersebut.</p> <p>Maklum balas Mesyuarat memutuskan meluluskan permohonan pembaharuan penyewaan dan pihak Majlis akan melaksanakan pemantauan yang lebih ketat bagi memastikan syarikat bekerjasama dengan pihak Majlis dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.</p> <p>Makluman</p>
6.	Para 5.16 & m/surat 15	Encik Pooi Weng Keong	Kertas Cadangan – Laporan keseluruhan Peruntukan inden	i) Beliau meminta agar dikaji syarat berkaitan tempoh sah laku sijil-sijil

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			JKP MPSJ bagi tahun 2018 (Kertas Mesyuarat Bil : 32/02/2018)	<p>yang dimiliki mestilah tidak kurang daripada 6 bulan. Ini adalah kerana kerja-kerja yang dilaksanakan adalah kerja-kerja ringkas dan tidak melibatkan masa yang panjang. Pembaharuan sesuatu sijil akan mengambil masa yang lama sehingga menyebabkan permohonan kerja tidak dapat diperolehi.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua bersetuju untuk syarat ini dikaji semula.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 2/2018 bertarikh 23 Februari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.0 & m/surat 6	Encik Wan Hock Leong	Hal-Hal Lain – Risk Management	<p>i) Beliau memohon untuk dibuat pindaan terhadap minit mesyuarat berkenaan Isu <i>Risk Management</i> kepada <i>Crisis Management</i>.</p> <p>ii) Dalam mesyuarat, beliau juga turut membangkitkan isu berkaitan <i>Continuity Plan</i> jika berlaku darurat / krisis / <i>major disaster</i>.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua bersetuju dan meminta agar perkara ini dibuat pindaan dan dimasukkan dalam minit mesyuarat.</p> <p>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>

5.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

5.1 **PEMBATALAN PROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MEMBUAT PERUBAHAN MATERIAL PENGGUNAAN BANGUNAN DI BANGUNAN PERNIAGAAN**

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Encik Ismail bin Muhamad. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut tanpa pindaan.

5.2 **KERTAS CADANGAN GARIS PANDUAN JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MPSJ 2018**

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Encik Muhammad Zaki bin Yusoff. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut dengan pindaan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.0 & m/surat 11	Encik Jaber bin Ami	Persempadanan zon JKP	i) Beliau memohon agar dilihat semula pembahagian kawasan mengikut Dun. Maklum balas Puan Yang Dipertua memaklumkan pembahagian kawasan adalah mengikut zon Ahli Majlis dan pembahagian adalah sama rata dari segi bilangan penduduk. Makluman
2.	Para 1.5 &	Encik Pooi	Keanggotaan	Beliau mencadangkan perkara berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
	m/surat 6 Para 6.0 & m/surat 15	Weng Keong	Peruntukan JKP	<p>i) Mohon dibenarkan perlantikan Ahli Jawatankuasa melebihi 15 orang.</p> <p>ii) Mohon peruntukan JKP di awalkan 1 bulan ke hadapan agar perancangan program berjalan lancar</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan yang diutarakan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
3.	Para 1.5.3.3 & m/surat 8	Encik Wan Hock Leong	Tempoh Perkhidmatan	<p>Beliau memohon diberi penjelasan terhadap apakah yang dimaksudkan dengan sebab-sebab tertentu.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua menjelaskan sebab-sebab tertentu adalah terletak di tangan / atas kuasa Pengerusi JKP.</p> <p>Makluman</p>
4.	Para 1.5.1.7 & m/surat 7	Encik Yap Kok Weng	Perlantikan Ahli Jawatankuasa JKP	<p>Beliau meminta pindaan dibuat seperti berikut : Semua ahli JKP adalah dilantik oleh Ahli Majlis di atas perakuan YDP MPSJ (mengikut Zon</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>JKP) dan pemilihan pelantikan JKP akan diluluskan setiap 2 tahun (bergantung kepada keputusan Majlis).</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua bersetuju dengan pindaan tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
5.	Para 2.0 & m/surat 34		Pengurusan Kerja Inden JKP	<p>Beliau memohon penjelasan adakah satu syarikat yang sama boleh melaksanakan lebih dari 1 projek dalam zon yang sama. Mohon diwujudkan satu garis panduan untuk memudahkan rujukan.</p> <p><u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua memaklumkan pengurusan inden adalah mengikut kepada tatacara sebutharga. Beliau bersetuju supaya satu garis panduan berkaitan perlantikan kontraktor kerja-kerja inden diwujudkan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

6.0 HAL-HAL LAIN

- 6.1 Puan Yang Dipertua memaklumkan berkaitan Program Pengindahan Sungai Kuyuh yang dilaksanakan bersama-sama komuniti setempat telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk dan kerjasama yang kuat daripada YB Ean Yong Hian Wah, Adun Seri Kembangan dan satu perasmian akan dibuat di lokasi tersebut. Terima kasih atas sokongan dan kerjasama Ahli Majlis dan pegawai yang terlibat dalam projek ini.

Makluman

- 6.2 Puan Yang Dipertua memohon agar Ahli Mesyuarat menyerahkan soalan secara bertulis sebelum mesyuarat bagi perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan minit jawatankuasa ataupun usul agar jawapan yang memerlukan semakan dokumen berkaitan dapat disediakan.

Tindakan : Ahli Mesyuarat / Urus setia Mesyuarat

- 6.3 Puan Yang Dipertua meminta agar semua Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa di MPSJ perlu lebih teliti dalam penyediaan minit mesyuarat dan penyerahan minit mesyuarat perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan iaitu pengedaran minit mesyuarat adalah dalam tempoh 7 hari bekerja kepada ahli mesyuarat.

Tindakan : Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa

7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Mac 2018** akan diadakan pada **29 Mac 2018 (Khamis)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 2 Mac 2018

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | TPr. Hj. Jaber bin Ami. | - | " |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 8. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 9. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 10. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 11. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A. | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 17. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 18. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 19. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 21. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 22. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 23. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 24. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|---|
| 1. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 2. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail Bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

6. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasa
7. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
8. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
10. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
12. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
14. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
15. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
16. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
17. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
18. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB

19. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
20. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
21. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
22. Encik Azfarizal bin Abd Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
23. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
24. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
25. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
26. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
27. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
28. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
29. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
30. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
31. Encik Mazrul Zahar bin Mohd
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasa

32. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
33. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
34. Puan Norsafinas binti Ab Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
36. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Cik Hasniza binti Husin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Perancang Bandar
41. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
42. Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
43. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
44. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

45. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
46. Puan Salwa binti Ab. Rahman
Penolong Pengarah (Teknologi Maklumat)
47. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Encik Mohd Nazri bin Zamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan khidmat Pengurusan
49. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
50. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
51. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
52. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
53. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
54. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
55. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
56. Puan Nurnawwar binti Arpaaii
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan
57. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan
Awam

58. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
59. Encik Razmi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Jabatan Landskap
60. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Jabatan Landskap
61. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
62. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
63. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
64. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
65. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
66. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
67. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
68. Puan Nurul Saadah binti A. Wahab
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
69. Cik Roshaira binti Rosly
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
70. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

71. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh
Penolong Pengarah, Jabatan COB
72. Cik Zamzamah binti Dato' Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan